

PENGGUNAAN DEIKSIS DALAM NOVEL BAYANG SOFEA KARYA TEME ABDULLAH

*THE USE OF DEIXIS IN THE NOVEL OF
BAYANG SOFEA BY TEME ABDULLAH*

Norshakira ABDUL MAJID*¹
Nurul Jamilah ROSLY²

^{1,2}Kulliyyah Pelancongan Mampan dan Bahasa Kontemporari, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia,
Malaysia
norshakira.am@live.iium.edu.my
nuruljamilah@iium.edu.my

Pengarang Koresponden*

Dihantar pada: 28 Julai 2025
Submit on: 28th July 2025

Diterima pada: 16 Ogos 2025
Accepted on: 16th August 2025

ABSTRAK

Deiksis merujuk kepada cara bahasa digunakan dalam pertuturan serta bagaimana elemen-elemen bahasa tersebut melengkapkan konteks ujaran (Levinson, 1983). Kajian ini bertujuan mengenal pasti jenis-jenis deiksis dalam novel *Bayang Sofea* karya Teme Abdullah dan menganalisis penggunaannya dalam dialog watak utama. Berpandukan Teori Pragmatik Levinson (1983), data dikumpulkan melalui kajian kepustakaan, analisis kandungan teks dan pengekodan teks yang melibatkan bab 1 hingga bab 34 dalam novel berkenaan. Hasil analisis mendapati bahawa kelima-lima jenis deiksis iaitu deiksis orang, masa, tempat, sosial dan wacana dapat dikenal pasti dengan jumlah keseluruhan 1081 unsur. Daripada jumlah tersebut, deiksis orang mencatatkan bilangan tertinggi dengan 753 unsur manakala deiksis tempat adalah paling rendah dengan 36 unsur. Dapatan ini membuktikan kepelbagaian penggunaan deiksis yang selaras dengan tema misteri novel, di samping menunjukkan ketepatan penggunaan deiksis dalam konteks pertuturan watak utama. Kajian ini memperkukuh penyelidikan berkaitan deiksis dalam teks sastera dan berpotensi menjadi rujukan bagi kajian lanjutan.

Kata kunci: pragmatik; novel; deiksis; Teori Pragmatik Levinson; dialog

ABSTRACT

Deixis refers to how language is used in speech to complete the context of an utterance (Levinson, 1983). This study aims to identify the types of deixis found in the novel *Bayang Sofea* by Teme Abdullah

and to analyse their use in the main character's dialogues. Grounded in Levinson's Pragmatic Theory (1983), data were collected through library research, textual content analysis and data coding covering chapters 1 to 34 of the novel. The findings reveal all five types of deixis namely person, temporal, spatial, social and discourse with a total of 1,081 instances. Among them, personal deixis recorded the highest frequency with 753 instances whereas spatial deixis was the least with 36 instances. These results highlight the diversity of deixis use in line with the novel's mystery theme and confirm the consistency and appropriateness of deixis in the main character's speech. This study contributes to research on deixis in literary texts and serves as a valuable reference for future studies.

Keywords: pragmatic; novel; deixis; Levinson's Pragmatic Theory; dialogue

Pengenalan

Penggunaan deiksis merupakan suatu aspek penting dalam komunikasi harian sama ada disedari atau tidak oleh penutur. Elemen ini berfungsi melalui pemilihan kata-kata tertentu yang dikaitkan dengan kategori tertentu serta hubungannya dengan konteks pertuturan. Oleh sebab deiksis tidak dapat dielakkan dalam kehidupan seharian, pengenalanpastian terhadap deiktik-deiktik tertentu amat diperlukan bagi memastikan makna pertuturan dapat difahami secara jelas oleh pendengar. Menurut Levinson (1983), deiksis merujuk kepada fenomena di mana tafsiran sesuatu ujaran bergantung pada maklumat konteks. Unsur-unsur yang memerlukan konteks ini dikenali sebagai bentuk penunjukan dan maknanya bergantung pada siapa yang bertutur, kepada siapa dan bila dan di mana pertuturan itu berlaku. Levinson menekankan bahawa sistem deiksis bersifat egosentrik iaitu berpaksikan diri penutur sebagai pusat rujukan. Sebagai contoh, dalam ujaran “saya berada di sini sekarang”, kata ganti diri, tempat dan masa semuanya bergantung pada siapa penutur, lokasinya dan bila ujaran tersebut dituturkan. Pusat rujukan ini berubah-ubah mengikut penutur dan keadaan semasa sesuatu pertuturan berlangsung. Oleh itu, maksud sesuatu kata deiksis bersifat relatif dan berubah mengikut masa serta tempat. Maka, setiap pertuturan adalah unik dan perlu ditafsirkan dalam kerangka situasi semasanya (Levinson, 1983). Levinson mengklasifikasikan deiksis kepada lima jenis iaitu:

1. **Deiksis orang** merujuk kepada rujukan terhadap peserta dalam pertuturan khususnya penutur dan pendengar. Biasanya diwakili oleh kata ganti diri pertama (penutur), kedua (pendengar) dan ketiga (pihak lain).
2. **Deiksis masa** melibatkan rujukan terhadap waktu pertuturan seperti masa lalu, sekarang atau masa hadapan. Ini termasuk adverba masa seperti “tadi”, “kemudian”, “esok” dan frasa sendi nama seperti “pada petang ini”.
3. **Deiksis tempat** merujuk kepada lokasi pertuturan atau lokasi objek seperti “di sini”, “di sana”, “ke sana” dan “dari situ”. Kata tunjuk dan adverba tempat sering digunakan bagi menunjukkan lokasi relatif terhadap penutur.
4. **Deiksis sosial** menggambarkan hubungan sosial antara penutur dan pendengar. Contohnya penggunaan gelaran kehormatan seperti “tuan”, “encik”, “datuk” dan “cikgu” yang menunjukkan status, kedudukan atau darjat sosial.
5. **Deiksis wacana** merujuk kepada rujukan terhadap bahagian dalam pertuturan atau teks itu sendiri yang melibatkan unsur anafora (merujuk kepada sesuatu yang telah disebut) dan katafora (merujuk kepada sesuatu yang akan disebut) seperti “ini” dan “itu”.

Pada era digital kini, kewujudan deiksis semakin ketara dalam teks digital seperti mesej WhatsApp, status media sosial atau interaksi dalam talian yang bersifat ringkas, segera dan sering kali terikat dengan konteks masa serta tempat tertentu. Fenomena ini menunjukkan bahawa analisis deiksis bukan sahaja relevan dalam teks sastera tradisional malah penting untuk memahami bentuk komunikasi moden. Dalam masa yang sama, novel popular kontemporari turut menjadi wadah penyampaian bahasa yang lebih dekat dengan khalayak muda sekali gus memperlihatkan bagaimana penggunaan deiksis mencerminkan gaya bahasa, identiti dan budaya semasa. Kajian ini memberi penekanan terhadap bentuk penulisan novel memandangkan novel merupakan satu bentuk karya sastera yang berfungsi sebagai medium untuk menyampaikan ilmu pengetahuan dan nilai pendidikan kepada khalayak pembaca.

Novel didefinisikan sebagai naratif fiksi yang panjang dihasilkan melalui imaginasi seorang pengarang dan mengandungi kepelbagaian dari segi pemilihan kosa kata dan struktur ayat (Solihah et al., 2022). Justeru, variasi perkataan dan ayat dalam sesebuah novel sudah tentu menyumbang kepada kewujudan pelbagai bentuk ungkapan deiktik. Dalam struktur sesebuah novel, terdapat unsur-unsur intrinsik yang membentuk keseluruhan naratif karya termasuk tema dan persoalan, plot, watak dan perwatakan, latar, sudut pandangan serta gaya bahasa (Istiqlaliah, 2024). Pembinaan plot yang tersusun dapat memberikan struktur cerita yang menarik dan berkesan. Secara khususnya, latar merangkumi aspek masa dan tempat yang mempunyai peranan signifikan dalam pembangunan jalan cerita. Latar masa dan tempat bukan sahaja membantu pembaca memahami *bila* dan *di mana* sesuatu peristiwa berlaku malah turut menjadi petunjuk kepada kemungkinan pelbagai watak dan peristiwa. Oleh kerana novel ditulis secara kronologikal dari satu peristiwa ke peristiwa lain, unsur deiksis lebih mudah dikenal pasti melalui perubahan latar dan kemunculan pelbagai watak. Sehubungan dengan itu, kajian ini dijalankan bagi memenuhi dua objektif utama, iaitu mengenal pasti jenis-jenis deiksis yang terdapat dalam novel *Bayang Safea* karya Teme Abdullah dan menganalisis penggunaan deiksis tersebut berdasarkan kerangka Teori Pragmatik yang dikemukakan oleh Levinson (1983).

Pernyataan Masalah

Kajian berkenaan deiksis telah menerima perhatian yang meluas dalam kalangan sarjana terdahulu. Sebagai contoh, kajian oleh Kinduo & Mahali (2023) memfokuskan penelitian deiksis dalam kalangan masyarakat Melayu Sabah, khususnya melalui analisis terhadap penggunaan deiksis wacana 'so'. Sementara itu, kajian Sawal et al. (2024) meneliti penggunaan deiksis persona dalam pertuturan masyarakat Melayu Brunei melalui analisis rancangan televisyen. Namun, kedua-dua kajian ini hanya menumpukan perhatian kepada satu jenis deiksis sahaja sedangkan menurut Teori Pragmatik Levinson (1983) terdapat lima jenis deiksis utama, iaitu deiksis orang, masa, tempat, sosial dan wacana. Dalam kalangan penyelidikan yang mengambil kira kelima-lima jenis deiksis, kajian oleh Saimon & Licson (2023) mengetengahkan analisis dalam filem Hikayat Merong Mahawangsa. Namun begitu, fokus utama kajian tersebut adalah terhadap wacana filem dan bukan terhadap teks naratif seperti novel. Dalam konteks kajian tempatan yang melibatkan teks novel, hanya terdapat satu kajian yang dikenal pasti memberi perhatian kepada kesemua aspek deiksis iaitu kajian oleh Alias & Rosly (2020) yang meneliti aspek deiksis dalam novel *9 Nyawa*. Meskipun begitu, kajian tersebut melibatkan pelbagai watak utama seperti Intan Suryani, Hakim, Azizah, Shauqi dan Dr. David Chu tanpa memberi fokus khusus kepada analisis deiksis berdasarkan satu watak tunggal. Keadaan ini mewujudkan jurang dalam kajian sedia ada khususnya dari segi pendekatan analisis yang menyorot seorang watak utama secara mendalam. Analisis berfokus pada satu watak dapat memberikan gambaran yang lebih jelas tentang bagaimana deiksis berfungsi dalam membentuk identiti, perwatakan dan kesinambungan naratif. Tambahan pula, kajian luar negara terutamanya dari Indonesia menunjukkan kecenderungan yang lebih konsisten terhadap kajian deiksis dalam novel, namun majoritinya menekankan genre percintaan seperti novel *Kekasih* (2021), novel *Aku Bulan Kamu Senja* (2021) dan *My Lecturer My Husband* (2021). Fokus kepada genre romantik ini memperlihatkan pola penggunaan deiksis yang lebih berpusat kepada emosi sedangkan genre lain seperti *Misteri* masih kurang diterokai. Novel bergenre misteri menampilkan keunikan tersendiri kerana gaya bahasa dan penceritaannya berfungsi membina saspens, menyembunyikan maklumat serta mengarahkan

perhatian pembaca kepada butiran masa, tempat dan interaksi watak yang sering bersifat teka-teki. Oleh itu, kajian ini dijalankan dengan matlamat untuk menganalisis penggunaan deiksis dalam novel bergenre misteri iaitu *Bayang Sofea*. Dengan demikian, kajian ini berupaya mengisi kelompongan dalam penyelidikan terdahulu melalui penekanan terhadap genre yang berbeza serta pendekatan analisis terhadap satu watak utama yang berpotensi memberikan pemahaman yang lebih mendalam mengenai peranan deiksis dalam memperkukuh struktur estetika dan naratif sesebuah teks novel.

Sorotan Literatur

Kajian berkaitan deiksis dalam kalangan sarjana tempatan telah memberikan sumbangan yang signifikan terhadap perkembangan bidang pragmatik di Malaysia. Antaranya ialah kajian oleh Saimon & Licson (2023) yang membincangkan aspek deiksis dalam filem tempatan *Hikayat Merong Mahawangsa* dengan berpandukan kerangka Teori Pragmatik Levinson (1983). Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui transkripsi dialog serta analisis kandungan dan telah mengenal pasti 350 ujaran melalui ujaran watak Merong Mahawangsa, Puteri Meng Li Hua, Putera Marcus, Laksamana Lui Yun, Pak Kesum dan watak sampingan yang lain. Dapatan kajian membuktikan deiksis orang merupakan kategori dominan (51.4%), khususnya menerusi Kata Ganti Nama Diri (KGND) seperti *beta*, *patik* dan *hamba* yang mencerminkan status sosial watak. Keunikan sistem sosial masyarakat Melayu dipersembahkan melalui penggunaan deiksis sosial seperti gelaran kehormatan (Tuan Putera, Yang Mulia), status kekeluargaan (ayah, ibu) serta status pekerjaan (tuan, yang berhormat). Walaupun kajian ini menonjolkan hubungan antara deiksis dan budaya Melayu, namun analisis tersebut lebih bersifat umum kerana tertumpu pada keseluruhan teks filem. Sebaliknya, kajian semasa memberi fokus mikro terhadap satu watak utama dalam novel iaitu *Sofea*. Perbezaan ini penting bagi menunjukkan bagaimana kajian semasa melengkapkan kajian terdahulu dengan analisis lebih mendalam tentang konsistensi penggunaan deiksis dalam membina identiti seorang watak.

Seterusnya, kajian Kinduo & Mahali (2023) menganalisis penanda wacana *so* dalam mesyuarat guru di SMK Simpangan berdasarkan Teori Deiksis Huang (2015). Kajian ini mengenal pasti bahawa penanda wacana *so* berfungsi dalam lima bentuk utama, iaitu sebagai rumusan, penyambung topik, penanda hubungan, penerangan tambahan serta pengenalan maklumat baharu. Kajian ini menekankan fungsi deiksis wacana dalam menstrukturkan ujaran dalam wacana rasmi, malah turut membuktikan pengaruh dwibahasa dalam komunikasi masyarakat Sabah. Kajian ini jelas berbeza daripada kajian semasa kerana meneliti konteks komunikasi institusi, manakala kajian semasa memberi tumpuan kepada teks sastera. Walaupun kedua-duanya menegaskan kepentingan deiksis dalam mengatur wacana, namun kajian semasa lebih menonjol kerana menghubungkan deiksis dengan perkembangan naratif dan bukannya sekadar fungsi wacana.

Dalam konteks teks sastera tempatan, Alias & Rosly (2020) meneliti novel *9 Nyawa* dengan menggunakan kerangka Teori Pragmatik Levinson (1983). Hasil kajian menunjukkan kelima-lima jenis deiksis hadir dalam novel tersebut dengan deiksis orang yang paling dominan, iaitu 587 elemen meliputi KGND pertama (*saya*, *awak*, *kita*), kedua (*awak*, *engkau*) dan ketiga (*dia*, *mereka*) melalui penelitian terhadap pelbagai watak utama seperti Intan Suryani, Hakim, Azizah, Shauqi dan Dr. David Chu. Penggunaan deiksis ini didapati konsisten dengan konteks cerita yang menggambarkan hubungan sosial dan emosi antara watak. Walaupun analisis kajian memberi gambaran menyeluruh tentang kepelbagaian deiksis, namun fokus kajian tidak menumpukan pada satu watak tertentu. Kelemahan ini membuka

ruang kepada kajian semasa untuk lebih kritis dengan mengkhususkan kepada seorang watak sahaja. Pendekatan ini bukan sahaja memberi tumpuan lebih terperinci malah menambahkan dimensi baharu yang meneliti bagaimana deiksis konsisten digunakan oleh seorang watak.

Beralih kepada kajian luar negara, kajian mengenai deiksis persona dalam kalangan masyarakat Melayu Brunei oleh Sawal et al. (2024) melalui siaran televisyen Rampai Pagi. Kajian ini juga menggunakan kerangka Teori Pragmatik Levinson (1983) dan menumpukan pada satu jenis deiksis sahaja iaitu deiksis persona. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dan transkripsi klip video untuk mengenal pasti pelbagai KGND seperti *saya*, *kami*, *kitani*, *awda*, *biskita* dan *mereka*. Penggunaan KGND ini didapati bergantung pada konteks dan peranan penutur. Penemuan ini menunjukkan bahawa hubungan sosial dan peranan dalam komunikasi mempengaruhi pemilihan bentuk deiksis terutamanya dalam wacana rasmi seperti siaran televisyen. Walaupun kajian ini memperincikan penggunaan KGND, namun skopnya terbatas kepada satu kategori deiksis sahaja. Sebaliknya, kajian semasa lebih luas kerana melibatkan kelima-lima jenis deiksis. Perbandingan ini memperlihatkan kekuatan kajian semasa yang bukan sahaja merangkumi semua kategori deiksis tetapi juga memberi tumpuan pada seorang watak bagi memperkaya pemahaman tentang interaksi linguistik.

Selain itu, kajian Jesica & Ulfah (2022) yang meneliti novel *Kekasih Impian* karya Wardah Maulina memberi tumpuan terhadap lima jenis deiksis utama iaitu persona, tempat, masa, wacana dan sosial serta peranannya dalam memperkukuh struktur naratif. Deiksis persona paling dominan dengan kata ganti seperti *aku*, *saya*, *dia*, *mereka* dan *kami* yang menggambarkan hubungan antara penutur dan peserta tutur. Deiksis tempat dan masa seperti *di sini*, *di rumah*, *kelmarin* dan *sekarang* pula memberi konteks ruang dan waktu dalam peristiwa naratif. Selain itu, penggunaan deiksis wacana (*ini*, *itu*) dan deiksis sosial menerusi panggilan kehormatan berperanan dalam memperlihatkan status sosial dan hubungan watak. Walaupun kajian ini membuktikan variasi dan ketepatan deiksis yang berperanan membina struktur naratif, namun analisisnya masih berada pada tahap makro kerana melibatkan keseluruhan interaksi watak. Kajian semasa pula menawarkan pendekatan mikro dengan hanya meneliti watak Sofea, menjadikan dapatan lebih fokus terhadap perkembangan identiti seorang watak. Hal ini memperlihatkan sumbangan kajian semasa yang lebih kritis dalam menilai fungsi deiksis secara mendalam.

Seterusnya, kajian Rosnaningsih (2021) yang menganalisis novel *My Lecturer My Husband* menyoroti peranan deiksis dalam membentuk makna dan meningkatkan keberkesanan komunikasi. Menggunakan pendekatan kualitatif dengan analisis deskriptif, kajian ini mengkategorikan deiksis kepada tiga jenis utama iaitu deiksis persona, deiksis spatial (ruang) dan deiksis temporal (masa). Deiksis persona melibatkan KGND pertama, kedua dan ketiga dalam pelbagai jumlah. Deiksis ruang pula dibahagikan kepada proksimal dan distal manakala deiksis temporal merangkumi masa lampau, kini dan masa depan. Penemuan kajian ini menunjukkan bahawa deiksis menyumbang kepada gaya penulisan yang lebih jelas sekali gus membantu penyampaian makna kepada pembaca. Walaupun dapatan ini menekankan kejelasan makna dan gaya penulisan, tetapi pendekatannya bersifat deskriptif semata-mata. Kajian semasa mengambil langkah berbeza dengan menghubungkan deiksis bukan sahaja kepada aspek makna, malah juga kepada dimensi sosial watak menjadikan analisisnya lebih menyeluruh.

Akhir sekali, kajian Safitri et al. (2021) tentang deiksis dalam novel *Aku Bulan Kamu Senja* karya Syafruddin pula mengaplikasikan Teori Putrayasa (2014). Teori ini membahagikan deiksis kepada tiga bentuk iaitu deiksis morfem, deiksis kata dan deiksis frasa. Kajian tersebut mengenal pasti contoh deiksis morfem seperti *-ki*, *-mu*, *-nya*, deiksis kata seperti *aku*, *kamu*,

dia dan deiksis frasa yang terdiri daripada lima jenis utama iaitu persona, masa, tempat, sosial dan wacana. Sebagai contoh, penggunaan aku merujuk kepada watak utama Gilang manakala deiksis seperti di sini dan ke sana menggambarkan jarak antara penutur dan lokasi. Deiksis sosial seperti Pak dan Bu pula mencerminkan hierarki sosial dalam kalangan watak. Secara keseluruhan, kajian ini menekankan bagaimana penggunaan deiksis secara strategik dapat memperkukuh hubungan antara watak dan latar selain membentuk kesinambungan naratif. Walaupun dapatan kajian ini menekankan kepelbagaian bentuk deiksis, analisisnya berfokus pada tahap linguistik dan hierarki sosial watak secara umum. Kajian semasa pula memperkukuh sumbangan ini dengan meneliti strategi deiksis pada seorang watak sekali gus menunjukkan bagaimana deiksis berfungsi sebagai cerminan hubungan sosial, emosi dan naratif secara lebih terperinci.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan tiga kaedah utama dalam pengumpulan data iaitu kaedah kajian kepustakaan, kaedah analisis kandungan dan kaedah pengekodan. Kaedah kajian kepustakaan melibatkan penelitian terhadap sumber-sumber bertulis seperti buku rujukan serta makalah yang diperoleh daripada pangkalan data ilmiah seperti Google Scholar. Pelbagai sumber ini dirujuk bagi mendapatkan landasan teori dan konteks kajian yang kukuh. Seterusnya, kaedah analisis kandungan digunakan untuk menghuraikan, merumuskan dan melaporkan maklumat yang diperoleh melalui penelitian terhadap dialog watak utama dalam novel. Penelitian ini memberi tumpuan kepada pemahaman serta interpretasi bentuk-bentuk deiksis menurut Teori Pragmatik Levinson (1983). Bagi melengkapkan kajian ini, kaedah penandaan pengekodan turut digunakan secara sistematik bagi mengenal pasti serta menanda setiap ujaran deiksis dalam dialog watak utama dengan kod tertentu berdasarkan jenisnya. Kod yang digunakan ialah DO (deiksis orang), DT (deiksis tempat), DM (deiksis masa), DS (deiksis sosial) dan DW (deiksis wacana) selaras dengan pengelasan oleh Levinson. Proses pengekodan ini dijalankan secara teliti dengan mengenal pasti semua dialog yang melibatkan watak utama sebagai langkah awal. Kemudian, setiap dialog dianalisis berdasarkan kategori deiksis yang digunakan dan ditanda dengan kod-kod deiksis secara konsisten.


Bagi memastikan kebolehpercayaan data, proses pengekodan telah melalui semakan berganda. Setiap kod yang dikenal pasti disemak semula oleh penyelidik bagi memastikan keseragaman penandaan. Selain itu, rujukan silang dengan literatur terdahulu turut dilakukan untuk meminimumkan kesilapan tafsiran. Pendekatan ini membantu mengekalkan tahap kesahan pengekodan walaupun pengekodan dijalankan oleh seorang penyelidik. Seterusnya, analisis data dilaksanakan secara deskriptif kualitatif dan kuantitatif. Secara kuantitatif, data dijadualkan serta dikira dari segi kekerapan dan peraturan untuk menentukan jenis deiksis yang dominan dan kurang dominan dalam teks kajian. Hasil kajian dipersembahkan dalam bentuk data numerikal seperti jadual dan carta pai untuk memudahkan pemahaman. Secara kualitatif pula, setiap bentuk deiksis dihuraikan secara terperinci berdasarkan konteks penggunaannya dalam teks. Penjelasan ini bukan sekadar menjelaskan fungsi permukaan ujaran tetapi turut menyentuh makna tersirat, nuansa budaya dan peranan komunikatifnya dalam situasi pertuturan sebenar. Dengan itu, dapatan kajian dapat menggambarkan bukan sahaja pola penggunaan deiksis tetapi juga dimensi makna dan implikasi budaya yang terkandung dalam teks naratif.

Dapatan Kajian

Kajian ini mengesahkan kehadiran kesemua lima jenis deiksis yang diutarakan oleh Levinson (1983) iaitu deiksis orang, masa, tempat, sosial dan wacana dalam dialog watak utama. Sebanyak 1081 unsur deiksis telah dikenal pasti secara keseluruhan.

Carta Pai 1

Jumlah Penggunaan Unsur Deiksis dan Peratusannya



Berdasarkan Carta Pai 1 di atas, deiksis orang merupakan jenis yang paling dominan 753 unsur (69.66%). Ini menunjukkan betapa kerapnya rujukan kepada individu terlibat dalam naratif teks novel. Deiksis wacana pula menduduki tempat kedua dengan 151 unsur (13.97%) diikuti oleh deiksis sosial dengan 73 unsur (6.75%). Sementara itu, deiksis masa mencatatkan 68 unsur (6.29%). Deiksis tempat adalah yang paling sedikit dengan hanya 36 unsur (3.33%). Secara keseluruhannya, penemuan ini jelas menunjukkan bahawa kelima-lima jenis deiksis Levinson (1983) bukan sahaja wujud malah diaplikasikan secara aktif dan meluas dalam penceritaan novel *Bayang Sofea*. Huraian lebih terperinci mengenai kekerapan dan fungsi setiap jenis deiksis akan dibincangkan dalam kategori masing-masing.

Jadual 1

Kekerapan Penggunaan Deiktik Orang

Golongan KGND	Deiktik Orang	Kekerapan
KGND Pertama	Saya	410
	Kita	81
	Kami	2
	Aku	1
KGND Kedua	Awak	189
	Kalian	12
KGND Ketiga	Dia	44
	Mereka	14
Jumlah Keseluruhan		753

Secara keseluruhannya, KGND pertama merupakan kategori paling dominan dengan 494 unsur. Antara deiktik yang kerap digunakan termasuk “saya” (410 kali) diikuti “kita” (81 kali), “kami” (2 kali) dan “aku” (1 kali). Sementara itu, penggunaan KGND kedua mencatatkan 201

unsur dengan “awak” sebagai bentuk yang paling dominan manakala “kalian” direkodkan sebanyak 12 kali. Bagi KGND ketiga, sebanyak 58 unsur dikenal pasti yang terdiri daripada deiktik “dia” (44 kali) dan “mereka” (14 kali). Kesimpulannya, ketiga-tiga kategori KGND ini memainkan peranan penting dalam menunjukkan rujukan identiti watak sekali gus membina struktur penceritaan melalui interaksi watak utama dalam novel.

Jadual 2

Kekerapan Penggunaan Deiktik Masa

Subkategori Masa	Deiktik Masa	Kekerapan
Masa Lampau	Dahulu/dulu	14
	Tadi	12
Masa Kini	Sekarang	11
	Hari ini	14
Masa Akan Datang	Nanti	10
	Suatu Hari Nanti/ Satu Hari Nanti	3
	Esok	4
	Jumlah Keseluruhan	68

Daripada jumlah keseluruhan 68 deiksis masa, kategori masa lampau merupakan yang paling kerap digunakan dengan 26 unsur terdiri daripada deiktik seperti “dulu/dahulu” (14 kali) dan “tadi” (12 kali). Bagi masa kini, sebanyak 25 unsur dikenal pasti dengan “hari ini” (14 kali) dan “sekarang” (11 kali) sebagai bentuk utama. Sementara itu, masa akan datang mencatatkan 17 unsur termasuk deiktik seperti “nanti” (10 kali), “esok” (4 kali) dan “suatu hari nanti/satu hari nanti” (3 kali). Ringkasnya, kehadiran ketiga-tiga bentuk masa ini menggambarkan kebijaksanaan pengarang dalam menyusun kronologi peristiwa serta membentuk naratif cerita secara tersusun.

Jadual 3

Kekerapan Penggunaan Deiktik Tempat

Jarak Relatif	Deiktik Tempat	Kekerapan
Dekat	Di sini/Kat Sini/Sini	14
Jauh	Kat Situ/Dari Situ	2
Lokasi	Nusaraya	6
	Di lorong	4
	KL	3
	Sabah	3
	Sulawesi	2
	Di universiti	2
Jumlah Keseluruhan		36

Hasil kajian menunjukkan deiksis tempat menunjukkan jarak dekat seperti “di sini/ sini/ kat sini” muncul paling kerap dengan 14 kekerapan. Manakala bentuk yang menunjukkan jarak jauh seperti “kat situ/ dari situ” hanya muncul dua kali. Lokasi khusus pula seperti “Nusaraya”, “KL”, “Sabah” dan “Sulawesi” digunakan untuk membina latar tempat dan suasana sosial cerita. Lokasi lain seperti “di lorong” dan “di universiti” mewakili tempat yang mempunyai kaitan dengan institusi atau kepentingan dalam naratif. Secara keseluruhan, penggunaan

deiksis tempat dicatat sebanyak 36 kali yang menggambarkan kepelbagaian rujukan lokasi yang digunakan pengarang untuk menghidupkan cerita *Bayang Sofea*.

Jadual 4

Kekerapan Penggunaan Deiktik Sosial

Status Sosial	Deiktik Sosial	Kekerapan
Perbezaan Umur	Akak/Kak	33
	Adik	3
Hubungan Kekeluargaan	Abang	4
	Mama	1
	Ibu	1
	Sayang	1
Hubungan Pekerjaan	Encik	24
	Puan	5
	Tuan-tuan	1
Jumlah keseluruhan		73

Kajian mendapati bahawa deiksis sosial paling banyak digunakan berkaitan dengan perbezaan umur terutama panggilan “kak/akak” yang muncul sebanyak 33 kali diikuti dengan “adik” sebanyak 3 kali. Ini menunjukkan hubungan watak utama dengan individu lebih tua dan lebih muda. Dalam konteks kekeluargaan, panggilan seperti “abang”, “mama”, “ibu” dan “sayang” digunakan secara terhad namun masih memainkan peranan dalam penceritaan. Dari segi hubungan formal atau pekerjaan, “encik” digunakan sebanyak 24 kali, “puan” digunakan sebanyak 5 kali dan “tuan-tuan” sekali. Secara keseluruhannya, unsur deiksis sosial dalam novel ini mencerminkan struktur sosial masyarakat Melayu moden.

Jadual 5

Kekerapan Penggunaan Deiktik Wacana

Jenis Wacana	Kekerapan
Anafora	99
Katafora	52
Jumlah Keseluruhan	151

Dalam novel ini, deiksis wacana digunakan untuk memastikan kesinambungan dan kejelasan naratif. Rujukan anafora dan katafora selalunya menggunakan perkataan yang sama seperti “-nya”, “itu” dan “ini” namun arah rujukan yang membezakan kedua-duanya. Dapatan menunjukkan anafora lebih dominan dengan 99 kekerapan menjadikannya bentuk yang paling kerap digunakan manakala katafora dicatat sebanyak 52 kali. Secara keseluruhan, sebanyak 151 unsur deiksis wacana dikenal pasti sekali gus menunjukkan cara pengarang menyusun jalan cerita dengan lebih berkesan.

Perbincangan Dapatan

Analisis dalam kajian ini dijalankan secara sistematik dan menyeluruh terhadap setiap kategori deiksis berdasarkan dialog watak utama iaitu Sofea. Tujuan analisis ini adalah untuk memahami dengan lebih mendalam sejauh mana unsur-unsur deiksis dimanfaatkan oleh pengarang dalam pembinaan naratif dan gaya penyampaian cerita. Bagi mencapai matlamat

tersebut, pengkaji telah mengenal pasti dan menyusun dialog watak Sofea mengikut kategori deiksis tertentu dalam bentuk jadual. Seterusnya, penghuraian terhadap makna, konteks penggunaan dan fungsi setiap bentuk deiksis dilakukan di bahagian bawah jadual yang disediakan. Pendekatan ini bertujuan untuk memberikan kefahaman yang lebih jelas kepada pembaca berkaitan penerapan deiksis dalam wacana teks sastera khususnya dalam novel *Bayang Sofea*.

Deiksis Orang

Deiksis orang merujuk kepada penggunaan kata ganti nama diri untuk mengenal pasti individu yang terlibat dalam komunikasi. Menurut Huang (2014), deiksis orang melibatkan tiga pihak utama iaitu penutur (orang pertama), pendengar (orang kedua) dan pihak ketiga yang tidak terlibat langsung dalam interaksi.

Jadual 6

Penggunaan Kata Ganti Nama Diri Pertama, Kedua dan Ketiga

Bab	Muka Surat	Golongan KGND	Kod	Dialog
5	65	Pertama	DO1	"Setiap orang yang beli barangan keluaran company kami akan diberi <i>credits</i> "
20	295	Kedua	DO2	"... tapi tak ada apa-apa pun arahan daripada kalian tentang apa yang saya perlu buat"
9	139	Ketiga	DO3	" Dia buat ritual tu juga? Dia minum darah juga?"

Data DO1 menunjukkan penggunaan KGND pertama jamak "kami" oleh Sofea yang merujuk kepada dirinya bersama warga kerja syarikat namun tidak melibatkan Danny selaku pendengar. Ini bertepatan dengan pendapat Omar (2015) yang menyatakan "kami" merupakan KGND jamak eksklusif yang mengecualikan lawan tutur. Penggunaan ini mencerminkan usaha Sofea memperkenalkan inisiatif syarikat kepada Danny. Seterusnya, dalam DO2, KGND kedua jamak "kalian" digunakan untuk merujuk kepada sebuah organisasi misteri. Penggunaan ini menunjukkan permintaan bantuan oleh Sofea terhadap organisasi yang disifatkannya sebagai berpengaruh. Dalam DO3 pula, KGND ketiga tunggal "dia" digunakan untuk merujuk kepada individu yang tiada dalam situasi komunikasi iaitu Kurniawan Khan. Penggunaan ini selari dengan penjelasan oleh Husnawati et al. (2025) serta Setiawan & Hermawan (2023) yang menyatakan "dia" merujuk kepada individu luar konteks penutur dan pendengar. Dialog tersebut menunjukkan rasa curiga Sofea terhadap tokoh tersebut yang dikaitkan dengan amalan ritual aneh. Penggunaan kata ganti diri dalam novel ini tidak hanya berfungsi sebagai penanda rujukan tetapi menyingkap dinamika kuasa, emosi dan identiti sosial dalam budaya Melayu moden. Misalnya, "kami" menunjukkan keterikatan Sofea dengan organisasi sambil mengecualikan lawan tutur sekali gus mencerminkan budaya kolektivisme Melayu yang menekankan kesepaduan kumpulan. Sebaliknya, "dia" yang digunakan untuk Kurniawan Khan bukan sahaja merujuk pihak ketiga, tetapi menandakan jarak sosial dan psikologi antara Sofea dengan individu misteri tersebut. Dalam konteks estetika misteri, peralihan antara "saya", "kami", "kau" dan "dia" memberi kesan dramatik yang mengaburkan kedudukan watak tertentu sama ada sekutu atau musuh dan inilah yang mengekalkan teka-teki naratif.

Deiksis Masa

Deiksis masa berfungsi sebagai penunjuk waktu dalam komunikasi sama ada merujuk kepada masa lalu, kini atau masa depan. Levinson (1983) menegaskan bahawa rujukan waktu ini adalah relatif kepada waktu pertuturan. Saimon & Licson (2023) menambah, deiksis waktu mengenal pasti titik atau selang masa berdasarkan momen pertuturan sebagai titik rujukan utama. Dalam kajian ini, deiksis masa dikategorikan kepada tiga; lampau, kini dan masa depan.

Jadual 7

Penggunaan Deiksis Masa Lampau, Masa Kini dan Masa Akan Datang

Bab	Muka Surat	Subkategori Masa	Kod	Dialog
1	28	Masa Lampau	DM1	“Dia... sebenarnya pernah buli saya dulu , kak... Dulu , dia pernah juga belasah junior sampai pengsan kat tandas”
11	161	Masa Lampau	DM2	“Jess lebih arif kerana beliaulah pengurus projek untuk projek aplikasi pintar ni dahulu ”
8	92	Masa Kini	DM3	“... Saya fikir tiket <i>flight</i> je sekarang ni”
16	231	Masa Akan Datang	DM4	“Saya je yang selalu lalu sini, Danny. Entah-entah Kak Tirah je yang sudi <i>sign</i> petisyen tu. Dua orang je nanti ”

Data DM1 dan DM2, perkataan “dulu” dan “dahulu” digunakan untuk merujuk kepada peristiwa yang telah berlaku. “Dulu” dalam DM1 menggambarkan pengalaman Sofea dibuli oleh Danny semasa zaman sekolah. Penggunaan ini bernada emosional dan penuh kenangan peribadi. Sementara itu, “dahulu” dalam DM2 menunjukkan pengalaman kerja Jess dalam projek teknologi terdahulu yang bermasalah. Istilah “dulu” dan “dahulu” keduanya merujuk kepada masa lampau atau sesuatu yang telah berlaku. Namun, “dulu” lebih kerap digunakan dalam perbualan tidak rasmi manakala “dahulu” mempunyai sifat yang lebih formal (Pusat Rujukan Persuratan Melayu). Dalam DM3, Sofea menggunakan perkataan “sekarang” untuk menyatakan keperluannya terhadap tiket penerbangan pada waktu itu juga. Ini seiring dengan pandangan Solihah et al. (2022) dan Efrina et al. (2021) yang menyatakan bahawa “sekarang” merujuk kepada saat pertuturan berlangsung. Akhir sekali, DM4 menggunakan kata “nanti” untuk menunjukkan masa hadapan yang tidak spesifik yang menandakan kemungkinan petisyen tersebut mendapat sokongan yang sedikit. Kata “nanti” berfungsi sebagai penanda masa yang akan datang tetapi merujuk kepada waktu yang tidak tepat atau umum (Juliandiny et al., 2024). Deiksis masa dalam novel memperlihatkan lapisan masa yang menjadi asas kepada unsur saspens. Kata “dulu” tidak hanya menandakan peristiwa lampau tetapi menghidupkan memori trauma watak Sofea dan seterusnya membina emosi nostalgia yang bercampur curiga bagi mengikat pembaca dengan sejarah silam watak. Sementara itu, kata “nanti” memberi gambaran masa depan yang samar-samar, sejajar dengan budaya Melayu moden yang sering menggunakan ungkapan masa depan secara umum tanpa penetapan waktu konkrit. Dalam naratif misteri, strategi ini berfungsi sebagai ruang kosong yang membiarkan pembaca meneka adakah sesuatu benar-benar akan berlaku atau sekadar ancaman bayangan.

Deiksis Tempat

Deiksis tempat merujuk kepada rujukan lokasi dalam wacana yang bergantung kepada kedudukan relatif antara penutur dan pendengar (Listyarini & Nafarin, 2020). Levinson (1983) menyatakan bahawa unsur ini berfungsi menandakan lokasi yang bersifat dekat, jauh atau khusus.

Jadual 8

Penggunaan Jarak Relatif Dekat, Jauh dan Lokasi Khusus

Bab	Muka Surat	Jarak Relatif	Kod	Dialog
8	97	Dekat	DT1	"Saya dah <i>check online</i> tadi. Penuh. Sebab itulah saya terus tanya di sini "
8	103	Jauh	DT2	" Kat situ . Tapi tak ada gunanya pun. <i>Flight</i> memang penuh"
32	442	Lokasi Khusus	DT3	"Tanah tu di Nusaraya ke?"

Dalam DT1, frasa "di sini" merujuk kepada lokasi Sofea di kaunter pertanyaan lapangan terbang ketika dia sedang berinteraksi setelah mendapati tiket penerbangan telah habis secara dalam talian. Ini menunjukkan frasa "di sini" digunakan sebagai petunjuk lokasi dekat. Dalam DT2 pula, frasa "kat situ" menunjukkan lokasi jauh yang dirujuk oleh Sofea kepada Danny iaitu lokasi kaunter pertanyaan yang jauh dari tempat Sofea dan Danny berinteraksi. Manakala DT3 menggunakan nama tempat khusus "Nusaraya" yang bukan sahaja berfungsi sebagai latar geografi malah menggambarkan konteks sosial dan pembangunan dalam cerita. Rujukan tempat dalam novel tidak sekadar menetapkan latar geografi tetapi menyingkap realiti urban Melayu kontemporari. Ungkapan "di sini" atau "kat situ" menggambarkan perspektif ruang yang relatif namun penyebutan lokasi khusus seperti "Nusaraya" menjadi simbol pembangunan moden yang kontras dengan ritual kuno dalam cerita. Dari perspektif estetika, lokasi ini berfungsi sebagai medan penyembunyian misteri di mana teknologi, kerjaya dan ritual bercampur dalam satu landskap.

Deiksis Sosial

Menurut Levinson (1983), deiksis sosial merujuk kepada penggunaan kata atau ungkapan yang mencerminkan kedudukan sosial serta hubungan antara penutur dan pendengar. Unsur ini penting wacana dalam menyampaikan maklumat sosial seperti status, kedudukan serta tahap keakraban.

Dalam DS1, panggilan "Kak Tirah" menunjukkan rasa hormat terhadap individu yang lebih tua dan mencerminkan norma kesantunan Melayu di mana perbezaan umur mempengaruhi panggilan hormat. Dalam DS2, penggunaan "abang" dan "adik" menandakan hubungan kekeluargaan dan keakraban sejajar dengan konsep keluarga asas dan keluarga kembangan yang penting dalam menandakan hierarki dan peranan (Saimon & Licson, 2023). Selain itu, dalam konteks pekerjaan, sistem sosial Melayu menonjolkan penggunaan gelaran seperti "encik", "tuan" dan "yang berhormat" untuk melambangkan status dan jawatan seperti gelaran "encik" dalam DS3 bagi ketua pengurus, Encik Noodle yang mencerminkan hierarki profesional dalam persekitaran kerja moden.

Jadual 9

Status Sosial Berdasarkan Peringkat Umur, Hubungan Kekeluargaan dan Hubungan Pekerjaan

Bab	Muka Surat	Status Sosial	Kod	Dialog
1	1	Umur	DS1	“Terima kasih pada Kak Tirah”
4	53	Hubungan Kekeluargaan	DS2	“Macam manalah akak boleh tahu tu <i>boyfriend</i> dia? Entah-entah tu abang dia ke, adik dia ke?”
1	2	Hubungan Pekerjaan	DS3	“Memang tanggungjawab saya, Encik Noodle”

Penggunaan gelaran seperti “kak”, “abang”, “encik” memperlihatkan hierarki sosial dan nilai kesantunan yang masih dominan dalam interaksi masyarakat Melayu moden. Namun, dalam konteks misteri, panggilan ini tidak hanya memaparkan hormat atau kedudukan tetapi berfungsi sebagai alat naratif seperti panggilan “kak” yang menandakan kedekatan emosional dan kepercayaan manakala “encik” meletakkan jarak formal yang boleh menimbulkan rasa asing atau curiga terhadap watak tertentu. Di sinilah estetika misteri berfungsi apabila pembaca bukan sahaja menilai gelaran sebagai norma sosial tetapi juga sebagai petunjuk halus tentang siapa yang boleh dipercayai dan siapa yang diragui.

Deiksis Wacana

Deiksis wacana melibatkan rujukan kepada maklumat dalam teks atau pertuturan itu sendiri.

Jadual 10

Penggunaan Anafora dan Katafora

Bab	Muka Surat	Jenis Wacana	Kod	Dialog
1	12 & 13	Anafora	DW1	“DANISH! DANISH KUIH SHARK! KUIH SHARK!” “Harapnyalah... Saya harap dia memang ingat lagi nama tu ”
4	48	Katafora	DW2	“ Ni bukan <i>hack</i> , kak. Ni iklan. Maksud tulisan ni , ‘Sila tunggu 60 saat untuk membaca artikel penuh’ Jadi, kita kene tunggu kejap”

Bagi anafora, DW1 menunjukkan penggunaan kata “tu” oleh Sofea sebagai rujukan kepada gelaran Danny yang menandakan keakraban. Anafora berlaku apabila rujukan merujuk kepada maklumat yang telah disebut sebelumnya (Dia & Fadhilah, 2023) dan ia berfungsi untuk mengelakkan pengulangan kata dan meningkatkan variasi bahasa serta kejelasan. Alias & Rosly (2020) menjelaskan anafora sebagai pengganti kata selepas perkataan atau frasa disebut untuk mengelakkan kebosanan pembaca. Dalam DW2, perkataan “ni” digunakan sebagai katafora yang merujuk kepada maklumat diperincikan kemudian dan biasanya melalui penanda seperti kata ganti nama dalam pertuturan atau teks (Saimon & Licson, 2023). Dalam contoh ini, “ni” menjelaskan tentang iklan yang mengganggu paparan telefon Kak Tirah lantas membantu Kak Tirah memahami punca isu tersebut. Penggunaan anafora dan katafora ini memperlihatkan strategi linguistik untuk mengawal maklumat. Penggunaan “tu” dan “ni” menjadikan naratif bersifat lebih lisan dan dekat dengan gaya komunikasi harian masyarakat

Melayu. Namun, dari sisi estetika, bentuk ini menunda maklumat, mengalihkan perhatian, dan mencipta ruang spekulasi. Misalnya, kata “ni” berfungsi sebagai umpan kepada pembaca apabila terdapat maklumat yang belum lengkap, tetapi cukup untuk menimbulkan rasa ingin tahu. Mekanisme inilah yang memperkuat genre misteri apabila pemahaman pembaca digantung antara maklumat yang diberi dan maklumat yang ditangguhkan.

Kesimpulan

Secara tuntasnya, pengarang telah mengaplikasikan pelbagai bentuk deiksis secara berkesan untuk menguatkan jalan cerita dan membina hubungan antara watak. Berdasarkan analisis yang telah dijalankan, terbukti bahawa penggunaan kata ganti nama diri pertama, kedua dan ketiga memperlihatkan keberadaan unsur deiksis orang dalam teks novel. Kefahaman terhadap fungsi setiap KGND dalam wacana atau pertuturan dapat menjadikan interpretasi makna lebih tepat. Deiksis masa pula berjaya memberikan konteks waktu yang jelas kepada pembaca dengan memperlihatkan urutan peristiwa dan perkembangan naratif yang tersusun lantas memperkaya pengalaman membaca. Dalam hal ini, deiksis tempat pula dapat dikenal pasti melalui petunjuk keberadaan relatif seperti hampir, jauh atau lokasi tertentu. Tambahan pula, deiksis sosial dianalisis berdasarkan konteks ujaran dengan mengambil kira hierarki sosial seperti perbezaan umur, hubungan kekeluargaan serta interaksi berkaitan peranan dan pekerjaan. Ini menunjukkan kepelbagaian penggunaan deiksis dalam *Bayang Sofea* dan mempamerkan kemahiran pengarang dalam mengatur gaya penceritaan. Unsur deiksis wacana juga digunakan dengan ketara dalam novel ini khususnya anafora yang lebih menonjol berbanding katafora. Berdasarkan pemerhatian, deiksis dalam dialog watak utama jelas dan mudah dikenal pasti sekali gus memudahkan proses menganalisis deiksis.

Mengkaji elemen deiksis dalam sesebuah karya membolehkan pembaca memahami secara mendalam konteks dialog, situasi dan interaksi dalam penceritaan. Dengan memahami konsep deiksis, pembaca dapat mengenal pasti petunjuk penting seperti orang, lokasi, waktu, sosial dan wacana sekali gus mengurangkan kekeliruan akibat struktur naratif yang kompleks. Selain itu, kajian ini menonjolkan kepentingan deiksis dalam membina karya yang berkesan yang mampu menyentuh emosi mencetuskan pemikiran dan membentuk pengalaman pembaca. Bagi penulis, kefahaman terhadap aspek deiksis juga membantu dalam menyusun naratif secara lebih sistematik, melancarkan proses peralihan babak dan memastikan cerita mengalir dengan lancar. Walau bagaimanapun, kajian ini hanya tertumpu kepada sebuah novel tulisan Teme Abdullah iaitu *Bayang Sofea* dan menganalisis hanya seorang watak utama iaitu watak Sofea. Meskipun skop kajian dilihat terbatas dari segi korpus dan fokus watak, namun kajian ini tetap bersesuaian dengan objektif kajian yang menekankan pemahaman mendalam terhadap kelima-lima jenis deiksis dalam karya sastera moden. Implikasi kajian ini dapat diaplikasikan dalam bidang pengajaran bahasa khususnya dalam memperkayakan teknik pengajaran wacana dan komunikasi. Di samping itu, pendekatan deiksis berpotensi dimanfaatkan dalam kajian kesusasteraan kontemporari untuk menilai strategi penceritaan pengarang. Sehubungan dengan itu, pengkaji menyarankan agar kajian akan datang mempertimbangkan penggunaan novel dengan tema yang berbeza daripada tema misteri. Sebagai contoh, novel berunsur pengembaraan berpotensi memaparkan lebih banyak deiksis tempat kerana latar yang pelbagai manakala novel bertema sejarah pula mampu menghidupkan penggunaan deiksis masa secara lebih menyeluruh dengan membawa pembaca menelusuri peristiwa silam. Kajian perbandingan silang budaya juga wajar dijalankan untuk melihat persamaan dan perbezaan penggunaan deiksis dalam karya daripada pelbagai

latar budaya yang berbeza seperti budaya Jepun, Korea, Arab dan sebagainya. Justeru, kajian ini diharapkan dapat memberikan sumbangan yang bermakna dalam bidang pengajian bahasa khususnya berkaitan kajian deiksis serta menjadi rujukan kepada pengkaji seterusnya.

Rujukan

- Alias, M. N. & Rosly, N. J. (2020). Analisis Deiksis dalam Novel 9 Nyawa: Satu Analisis Pragmatik. *International Young Scholars Journal of Languages*, 3(1), 37-55. <http://irep.iium.edu.my/id/eprint/85102>
- Anggraini, R. D., Murni, M., & Suriadiman, N. (2022). Deiksis persona dalam novel Muara Rasa karya Devania Annesya dan pemanfaatannya sebagai bahan ajar bahasa Indonesia tingkat SMP Kelas IX. *GERAM (Gerakan Aktif Menulis)*, 10(2), 111–123. [https://doi.org/10.25299/geram.2022.vol10\(2\).10557](https://doi.org/10.25299/geram.2022.vol10(2).10557)
- Dia, E, E., & Fadhilah, E, N. (2023). Deiksis wacana dialog dalam cerpen menanti bangau lewat karya Asma Nadia: Kajian pragmatik. *Pendidikan Tambusai*, 7(2), 10713–10725.
- Efrina, R., Rukiyah, S., & Abidin, Z. (2021). Deiksis dalam tuturan anak usia 3-4 tahun di kecamatan sematang borang palembang. *LOKABASA: Jurnal Kajian Bahasa, Sastra, dan Budaya Daerah serta Pengajarannya*, 12(1), 191-201. <https://doi.org/10.17509/jlb.v12i2.37194>
- Huang, Y. (2014). *Pragmatics*. (2nd. ed). Oxford University Press.
- Husnawati, Sudika, N., & Setiawan, I. (2025). Deiksis persona, ruang, dan waktu dalam novel hello karya Tere Liye. *SeBaSa*, 8(1), 258–272. <https://doi.org/10.29408/sbs.v8i1.29840>
- Istiqlaliah, A. N., (2024). *Deixis used in black beauty novel written by Anna Sewell*. Sarjana's thesis, State Islamic Institute of Ponorogo.
- Jesica, E., & Ulfah, A. (2022). Deiksis dalam novel kekasih impian karya Wardah Maulina. *Wahana Pedagogika*, 4(2), 45-53.
- Juliandiny, D. F., Sudika, N. & Jafar, S. (2024). Penggunaan deiksis dalam novel Susah Sinyal Karya Ernest Prakasa dan Ika Natassa. *Jurnal Education FKIP UNMA*, 10(3), 898-909. <https://doi.org/10.31949/educatio.v10i3.9408>
- Kinduo, W., & Hj. Mahali, S. N. (2023). Situasi penggunaan deiksis “so” dalam mesyuarat pengurusan. *RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastera dan Budaya*, 2(1), 113–139. <https://doi.org/10.32890/rentas2023.2.5>
- Levinson, S. (1983). *Pragmatics*. Cambridge University Press.
- Listyarini, L., & Nafarin, S. F. (2020). Analisis Deiksis Dalam Percakapan Pada Channel Youtube Podcast Deddy Corbuzier Bersama Menteri Kesehatan Tayangan Maret 2020. *Jurnal Pendidikan Bahasa Dan Sastra Indonesia*, 9(1), 58-65. <https://doi.org/10.15294/jpbsi.v9i1.38628>
- Omar, A. (2015). *Nahu Melayu mutakhir* (Edisi ke-5). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rosnaningsih, A., (2021). Penggunaan deiksis pada novel *My Lecturer My Husband* Karya Gitlicious. *Jurnal Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia*, 10(2), 85-94. <http://jurnal.umt.ac.id/index.php/lgrm>
- Safitri, Y., Hudiyono, Y., & Sulistyowati, E. D. (2021). Deiksis Dalam Novel Aku Bulan Kamu Senja Karya Syafruddin Pernyata: Kajian Pragmatik. *Adjektiva: Educational Languages and Literature Studies*, 4(2), 46–50. <https://doi.org/10.30872/adjektiva.v4i2.1458>
- Saimon, A. & Licson, L. (2023). Penggunaan aspek deiksis dalam filem *Hikayat Merong Mahawangsa*. *Jurnal Bahasa*, 23(1), 147–168. [https://doi.org/10.37052/jb23\(1\)no6](https://doi.org/10.37052/jb23(1)no6)

- Sawal, A. H., Mashud, K. A., & Mohd Marzuki, S, N, H,. (2024). Deiksis persona: Kata ganti nama diri dalam rancangan *Rampai Pagi* segmen daerah. *Jurnal Bahasa*, 24(1), 169–184. [https://doi.org/10.37052/jb24\(1\)no7](https://doi.org/10.37052/jb24(1)no7)
- Setiawan, I., & Hermawan, N. (2023). Meta struktur pada teks kebakaran “lapas” kelas 1 tangerang pada media nasional: Kajian wacana kritis. *MABASAN*, 17(1), 97–112. <https://doi.org/10.26499/mab.v17i1.676>
- Solihah, M., Susilawati, E., & Riyanti, D. (2022). An analysis of deixis in “catching the sun” novel by Tony Parsons. *Journal of English Education Program*, 1(2), 27-39. <http://dx.doi.org/10.26418/jeep.v3i1.49784>